


Oleh PEMERHATI

Buletin Rakyat -  
18/11/2006

# DR MAHATHIR ATUR STRATEGI



**KUALA LUMPUR :** Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad didakwa sedang mengatur strategi menggroom seorang pemimpin muda untuk mengimbangi pengaruh Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin sebagai bakal Perdana Menteri akan datang. Sumber menyebut, setakat ini hanya orang tertentu sahaja yang tahu strategi diatur oleh Dr Mahathir namun merahsiakan nama pemimpin berkenaan. Sumber berkata, pemimpin berkenaan seorang yang berkredibiliti, intelektual, beragama dan mampu menyaingi Khairy. Sumber tidak menidak kemungkinan pemimpin terbabit akan diusahakan oleh Dr Mahathir sehingga menduduki kerusi pertama negara.

**Ms-2**

# Dr M atur strategi?

"Beliau tidak boleh dikritik oleh timbalannya, para menteri kabinet, para ahli Majlis Tertinggi UMNO, Menteri Besar, Ketua Menteri, ahli Dewan Rakyat, ahli Dewan Negara, ahli Dewan Undangan Negeri, ahli UMNO di semua peringkat, pegawai kerajaan dan sesiapa saja dari pihak istana hingga ke pengemis," katanya.

Beliau mendakwa media arus perdana termasuk radio dan televisyen tidak dibenarkan menyinggung Perdana Menteri.

Juga dakwa Dr Mahathir para pengguna telefon bimbit pra bayar harus didaftar agar sesiapa yang menyebarkan SMS akan diketahui oleh kerajaan dan tindakan boleh diambil.

Dakwanya lagi internet dan laman web dipantau secara elektronik dan tindakan boleh diambil terhadap sesiapa yang mengkritik Perdana Menteri.

"Sesiapa yang cuba mengadakan sebarang majlis yang melibatkan mengkritik Perdana Menteri akan diganggu dan diugut oleh pihak polis dan pemimpin kerajaan agar membatalkan majlis berkenaan.

"Saya sendiri kena sekat menerusi berbagai cara untuk menghentikan saya dari mengkritik Perdana Menteri," dakwa beliau seterusnya.

Kata Dr Mahathir beliau tidak boleh diundang oleh UMNO, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) persatuan pegawai kerajaan dan bukan pegawai, universiti atau mana-mana institusi lain.

Beliau menambah para ahli UMNO dan orangramai disekat dari menghadiri majlis atau pertemuan di mana beliau akan berucap.

Dakwanya berbagai bentuk ancaman dibuat oleh pihak polis dan para pemimpin politik untuk menakutkan sesiapa yang

engkar.

Setiap kali apa-apa yang melibatkan orangramai, Timbalan Perdana Menteri dan sesetengah pihak akan menasihatkan supaya jangan membuat kritikan, komen atau perbincangan.

Dr Mahathir mendakwa tindakan atau ugutan yang diambil termasuk memecat, pindah kerja ke kawasan pedalaman seperti Sabah, menarik balik atau membatalkan kontrak, diganggu oleh bank, dipanggil oleh polis, Badan Pencegah Rasuah dan lain-lain agensi kerajaan, ditahan dan disoalsiasat berulang kali.

"Suasana ketakutan telah menyelubungi Negara ini," dakwanya lagi. Bekas Perdana Menteri itu berkata beliau menyuarakan kritikan atas perkara yang tidak ada kena mengena dengan soal peribadinya tetapi melibatkan kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Soalan dan isu yang saya bangkitkan belum dijawab. Apa yang dipersoalkan ialah hak saya untuk komen dan kritik," ujarnya.

Dakwanya lagi cubaan dibuat untuk menggambarkan beliau pemikirannya tidak betul dan berulang kali tuduhan dibuat bahawa zaman pentadbirannya adalah yang paling teruk.

Katanya Perdana Menteri sekarang tidak boleh dikomen, dikritik atau dinasihati seolah beliau seperti seorang yang tidak ada sebarang kelemahan atau ada melakukan kesalahan.

"Pertemuan saya dengannya harus dirahsiakan dari rakyat. Dan kerana kami sudah bertemu, saya tidak boleh lagi kritik apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri.

"Oleh kerana kenyataan saya yang saya akan terus mengkritik sekiranya sesuatu yang tidak baik untuk agama, bangsa dan negara dilakukan oleh Perdana Menteri, segala bentuk kecaman dilemparkan oleh 'tukang pukul' dan media arus perdana terhadap saya," dakwa Dr Mahathir.